

Khamis, Apr 19 2018



Seramai 7.22 juta keluarga dan individu yang layak telah menerima RM6.31 bilion BR1M pada 2017.

BR1M beri impak positif hidup rakyat

BH 19/4

➔ Langkah terbaik pastikan kesejahteraan penduduk seiring pembangunan negara

Oleh Hidayatul Akmal Ahmad, Saadiah Ismail dan Esther Landau
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Langkah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak diperkenalkan pada 2012, memberi impak positif dalam mengatasi kenaikan kos sara hidup rakyat.

ngan melaksanakan sistem kupon atau baucar yang menghadkan kepada keperluan asas saja.

"Ini bagi mengelakkan jumlah wang diterima itu disalah guna oleh penerima dengan membeli barang bukan keperluan. Misalnya di Amerika Syarikat dan Eropah, sistem kupon dan baucar ini sudah dilaksanakan dan ternyata ia lebih fokus, berkesan dan sistematik," katanya kepada NSTP.

Pada 2017 saja, kerajaan sudah mengagihkan sebanyak RM6.31 bilion BR1M kepada 7.22 juta keluarga dan individu yang layak.

Katanya, seeloknya pemberian BR1M di negara ini dilakukan sedemikian bagi memastikan ia digunakan semaksimum mungkin seperti menampung kos bagi pembelian barangan runcit, perbelanjaan sekolah dan bil bulanan.

Guna kupon atau baucar

"Jika berterusan diberikan dengan wang tunai, mungkin misi dan visi

sing-masing," katanya.

Sementara itu, kerani, Amirah Abd Hadi, 29, berkata pemberian BR1M ternyata meringankan beban membeli keperluan bulanan seperti beras, minyak, susu dan sebagainya.

"Sekurang-kurangnya, saya memperuntukkan sebanyak RM150 untuk membeli keperluan makanan itu, jadi dengan adanya BR1M ini, saya tidak perlu bimbang kekurangan duit atau sebagainya.

"Setiap tahun saya dan ibu atau ayah menerima BR1M. Terima kasih kepada kerajaan yang prihatin dengan rakyat seperti kami," katanya.

Bagi Rosita Gelang Anak Jelai, 32, berkata bantuan BR1M sangat dinanti-nantikan kerana ia dapat mengurangkan beban perbelanjaan suami yang bekerja sebagai buruh kasar.

"Pendapatan suami tidaklah banyak mana, tetapi sekurang-kurangnya BR1M ini dapat melega-

Sebanyak RM25.62 bilion sudah diagihkan kepada lebih daripada tujuh juta individu serta keluarga dalam memastikan kelangsungan dan kesejahteraan hidup seiring dengan pertumbuhan negara.

Pengarah Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Fatimah Kari, berkata peningkatan kos sara hidup adalah cabaran besar terutama kepada keluarga miskin di saat menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

“Justeru pelaksanaan BR1M adalah langkah terbaik, namun mungkin dapat diperbaiki lagi untuk masa akan datang. Misalnya de-

BR1M itu sendiri secara tidak langsung sukar dicapai sepenuhnya. Jadi seeloknya penggunaan kupon atau baucar itu mungkin lebih efektif.

“Selain itu, mungkin kerajaan BN juga boleh memikirkan langkah seterusnya dengan memberi kepada penerima yang betul-betul layak agar mereka tidak terlalu bergantung hidup kepada BR1M saja.

“Pada masa akan datang, BR1M ini perlu mempunyai masa atau jangka hayat tertentu supaya masyarakat dapat berusaha dengan lebih kuat demi meningkatkan taraf hidup ma-

kan perbelanjaan bulanan kami yang boleh mencecah hingga RM400 sebulan.

“Ada ketikanya kami juga melalui keadaan terdesak dan terpaksa mengurangkan sedikit perbelanjaan. Jadi bila adanya BR1M, dapatlah gaji suami digunakan ke arah yang lebih bermanfaat.

“Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana mengumumkan pertambahan sekali ganda jumlah BR1M. Sekurang-kurangnya boleh kami merancang menggunakan wang itu untuk keperluan anak bersekolah,” katanya.